

SISTEM PENGURUSAN SEKOLAH TAHFIZ (m-Tahfiz)

Fadzrul Aiman Bin Madzlan

Rohizah Abd Rahman

ABSTRAK

Pendidikan tahfiz telah menjadi satu alternatif lain bagi ibu bapa muslim di Malaysia untuk menghantar anak mereka mendapatkan pendidikan berkaitan al-Quran dan ilmu agama. Aliran tahfiz ini dapat memastikan anak-anak boleh menguasai ilmu berkaitan dengan agama islam dan memfokuskan penguasaan 30 juzuk al-Quran. Walaupun kita sekarang di dalam era yang penuh dengan pembangunan dan penggunaan teknologi dan sistem maklumat, kebanyakan pengurusan maklumat di sekolah tahfiz masih secara manual. Jika dibandingkan dengan sistem pengurusan sekolah tahfiz sedia ada yang telah dibangunkan, agak kurang kaedah yang digunakan untuk memudahkan guru mahupun ibu bapa untuk melihat penilaian dan perkembangan anak-anak mereka di sekolah tahfiz. Sistem Pengurusan Sekolah Tahfiz (m-Tahfiz) adalah sistem berdasarkan web yang dibangunkan bertujuan membantu guru menilai akademik dan sahsiah pelajar tahfiz serta memudahkan ibu bapa untuk memantau prestasi anak mereka dari masa ke semasa. Guru boleh menilai akademik dan sahsiah pelajar, pentadbir boleh mengemaskini maklumat peribadi pelajar, ibu bapa dan guru. Selain itu, pentadbir sistem sekolah tahfiz juga boleh menambah dan mengemaskini jadual waktu pembelajaran, kelas, subjek pembelajaran dan asrama pelajar. Tambahan pula, sebahagian modul yang dibangunkan ini boleh dicapai oleh ibu bapa pada bila-bila masa. Ibu bapa juga boleh memantau prestasi akademik dan sahsiah anak mereka melalui sistem ini. Sistem ini akan dibangunkan menggunakan model Agile kerana model ini adaptif terhadap perubahan aktiviti dan pengembangan evolusi. Bahasa pengaturcaraan yang digunakan adalah PHP, Javascript, HTML dan CSS. Secara keseluruhannya, pembangunan sistem m-Tahfiz ini dapat memudahkan proses penilaian akademik dan sahsiah pelajar dan membantu ibu bapa untuk memantau prestasi anak mereka di sekolah tahfiz.

1 PENGENALAN

Pembelajaran ilmu agama Islam dan tradisi membaca dan menghafaz al-Quran di Malaysia telah berkembang dari zaman ke zaman. Dalam masyarakat kita yang dilanda arus globalisasi, pembelajaran al-Quran secara hafalan mampu menjadi pemangkin ke arah membentuk minda manusia yang akan melahirkan generasi alim, dai'e dan hafiz (Ismail et al. 2017) Pada masa yang sama, penubuhan sekolah tahfiz al-Quran juga semakin banyak di seluruh negara. Berbeza dengan beberapa dekad yang lalu, pengajian aliran sekolah agama dipandang sepi di segelintir masyarakat kerana ia dianggap pembelajaran kelas kedua dan tidak semegah sekolah-sekolah aliran sains atau sastera. Selain daripada itu, ada juga yang menganggap pelajar tidak mempunyai masa depan yang cerah dan sukar untuk mendapatkan pekerjaan terutama dalam bidang profesional. Hal ini kerana pelajar di sekolah tahfiz dikatakan tidak mahir berbahasa Inggeris, kurang berkemahiran termasuk dalam komunikasi dan sosial serta mempunyai karier sebagai seorang imam atau tugas berkaitan dengan agama.

Namun, pandangan dan persepsi itu telah berubah sejak sedekad lalu. Hal ini kerana terdapat peningkatan dalam minat masyarakat terhadap pendidikan agama. Tambahan pula, ibu bapa pada masa kini mempunyai trend untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah tahfiz sehingga ia melebihi tawaran dan kesanggupan daripada pihak yang menyediakan. Hal ini disebabkan kerana masyarakat mulai menyedari dan dapat melihat bahawa keberkesanan, kebaikan dan martabat golongan yang menghafal al-Quran dan mempelajari ilmu agama Islam. Perkara ini turut mendorong ibu bapa untuk menempatkan anak-anak mereka ke sekolah tahfiz kerana bagi mereka, sistem pengajian tahfiz yang memiliki dwi sistem iaitu sistem pendidikan akademik dan pendidikan ilmu agama Islam atau hafalan al-Quran setanding dengan kehendak pasaran global.

Akan tetapi, masih terdapat lagi pengurusan maklumat di sekolah Tahfiz yang dijalankan secara manual. Maklumat ibu bapa atau anak-anak diisi ketika sesi pendaftaran dan disimpan oleh pihak sekolah di dalam fail untuk kegunaan masa hadapan. Ibu bapa yang ingin mengemaskini maklumat seperti alamat atau nombor telefon mereka perlu menghubungi pihak sekolah tahfiz untuk proses kemaskini. Manakala, pihak sekolah pula juga masih mengedarkan borang maklumat atau surat kepada para pelajar dan ibu bapa untuk sebarang pemberitahuan berkaitan prestasi dan perkembangan anak mereka di sekolah tahfiz secara manual. Ini kerana,

maklumat ini amat penting bagi memastikan tiada permasalahan berlaku sepanjang pelajar belajar di sekolah tahniz tersebut.

2 PENYATAAN MASALAH

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan tahniz anak-anak adalah amat penting bagi memastikan pendidikan tentang agama Islam dan hafazan Al-Quran mereka adalah dalam keadaan yang baik dan potensi bakat dapat diasah pada usia muda. Namun, ibu bapa hanya mendapat tahu akan perkembangan pengajian akademik dan hafazan anak mereka pada hari laporan akademik dan sahsiah yang diadakan pada hujung tahun. Ibu bapa yang ingin mendapatkan maklumat prestasi anak mereka dengan lebih cepat perlu membuat temu janji dengan pihak sekolah untuk sesi perbincangan. Ramai ibu bapa yang mempunyai masalah untuk berjumpa dengan pihak sekolah kerana kesuntukan masa dan sibuk bekerja. Terdapat juga masalah apabila maklumat tentang penilaian bulanan pelajar hilang disebabkan oleh sistem pemfailan yang tidak teratur. Hal ini menyebabkan laporan prestasi pelajar yang diberikan kepada ibu bapa adalah tidak lengkap.

Permasalahan seterusnya adalah masalah kemaskini maklumat pemberitahuan program sekolah. Pada zaman yang moden ini, kebanyakan pihak sekolah sering memaklumkan berita tentang aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan dengan menyampaikan mesej ke dalam aplikasi mesej teks. Namun dengan menggunakan kaedah ini, ibu bapa yang sibuk dengan pekerjaan tidak mempunyai masa untuk melihat sebarang aktiviti yang disampaikan oleh pihak sekolah. Sekiranya terdapat sistem lain yang memudahkan ibu bapa untuk melihat perancangan aktiviti tahunan daripada pihak sekolah, ia akan memudahkan ibu bapa untuk merancang sebarang aktiviti agar tidak bertindih dengan aktiviti sekolah.

Oleh itu, berdasarkan permasalahan yang dinyatakan di atas, projek ini dijalankan untuk membangunkan satu sistem pengurusan sekolah tahniz yang diyakini dapat membantu menyelesaikan masalah penyampaian maklumat berkaitan akademik dan sahsiah pelajar, masalah penyimpanan maklumat penilaian pelajar, dan seterusnya adalah pengurusan sekolah secara umum. Dengan adanya sistem pengurusan dan pentadbiran yang baik. Ia dapat membentuk struktur organisasi yang dapat menghalau kepada keberkesanan dan kecekapan yang tinggi (Mardhiah Yahaya et al. 2021). Jurang komunikasi antara pihak sekolah tahniz dan ibu bapa juga dapat dirapatkan dan kualiti pendidikan yang disampaikan juga terjamin.

3 **OBJEKTIF KAJIAN**

Projek ini bertujuan membangunkan sistem pengurusan sekolah tafzil yang boleh memaparkan rekod markah sahsiah pelajar, menyimpan rekod markah penilaian akademik pelajar yang terkini dan boleh memaparkan jadual waktu kelas pelajar yang mesra pengguna dan berdasarkan web.

4 **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi yang digunakan dalam membangunkan sistem ini adalah model Agile. Metodologi ini dipilih kerana kaedah ini menjangkakan perubahan dan lebih fleksibel berbanding kaedah tradisional. Perubahan kecil boleh dibuat tanpa perlu membelanjakan kos yang tinggi atau melakukan pemindaan jadual (Fowler & Highsmith 2001). Model Agile mengutamakan penglibatan pelanggan dalam membangunkan sistem ini sejak dari awal proses pembangunan. Objektif utama kaedah ini adalah untuk memastikan pelanggan terlibat secara langsung dalam setiap fasa pembangunan agar mereka berpuas hati dengan produk akhir projek ini. Sistem ini juga perlu dibangunkan dalam masa yang singkat, jadi model Agile amat bersesuaian dalam proses pembangunan sistem ini. Rajah 1 menunjukkan kitaran pembagunan Agile yang digunakan dalam sistem ini.



Rajah 1 Kitaran Metodologi Agile

4.1 Fasa Perancangan

Pada fasa ini, perancangan awal dilakukan dengan menyatakan pernyataan masalah, objektif, skop kajian dan juga cadangan penyelesaian. Jadual gerak kerja turut disertakan agar perjalanan pembangunan aplikasi tidak tertangguh dan dapat disiapkan dalam tempoh 28 minggu. Kajian lepas turut dijadikan rujukan agar dapat digunakan dalam pembangunan aplikasi ini.

4.2 Fasa Analisis

Fasa ini melibatkan analisis dan tafsiran maklumat yang dikumpul pada perancangan projek. Analisis tentang keperluan pengguna dan keperluan sistem dilakukan dengan menjalankan sesi temu bual bersama pengurus tadika. Hasil dari temu bual itu, keperluan pengguna dan keperluan sistem projek ini dirangka bagi memastikan projek ini yang dijalankan memenuhi keperluan pengguna dan sistem. Selain daripada itu, analisis tentang perkakasan dan perisian juga dijalankan untuk memastikan perkakasan dan perisian sedia ada adalah sesuai bagi membangunkan projek ini.

4.3 Fasa Reka Bentuk

Fasa reka bentuk merupakan fasa yang amat penting dalam pembangunan projek ini. Fasa ini melibatkan pengenalpastian operasi sistem dari segi perisian dan infrastruktur rangkaian;

antara muka, borang, laporan dan pangkalan data yang akan digunakan. Pada fasa ini, pengemasan maklumat pengaturcaraan web dilakukan dan senarai fungsi yang diperlukan sistem dikemaskini dan dilaksanakan sebelum draf reka bentuk antara muka sistem dilukiskan. Selain itu, setiap kebergantungan setiap terma juga dikenalpasti dan dicatatkan.

4.4 Fasa Implementasi

Pada fasa implementasi, sistem pengurusan sekolah tafiz ini akan dibina dan diuji sama ada sistem ini dapat berfungsi seperti mana yang telah direkabentukkan. Fasa ini mengfokuskan kepada pembangunan sistem seperti mencipta reka bentuk antara muka dan menilai spesifikasi secara terperinci selain daripada pembinaan sistem itu sendiri. Bagi projek ini, satu prototaip akan dibangunkan dan mempunyai fungsian yang disenaraikan pada fasa reka bentuk. Sistem dibangunkan dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan javascript, HTML, PHP, CSS dan sebagainya. Setiap antara muka yang telah direka bentuk mempunyai fungsi yang berbeza bagi pembangunan projek ini.

4.5 Fasa Pengujian


Pada fasa pengujian, sistem pengurusan sekolah tafhib akan diuji secara keseluruhan apabila sistem ini selesai dibangunkan. Fasa pengujian memastikan sistem berfungsi mengikut spesifikasi dan objektif yang telah ditetapkan pada fasa-fasa sebelum ini. Bagi projek ini, sistem akan diuji menggunakan dua jenis pengujian iaitu pengujian kotak- hitam bagi memastikan semua fungsi yang dibina berfungsi dengan baik dan pengujian kebolehgunaan sistem, bagi memastikan sistem yang dibina boleh digunakan oleh pihak berkepentingan.

5 HASIL KAJIAN

Bahagian ini akan menerangkan hasil daripada proses pembangunan sistem pengurusan sekolah tafhib. Reka bentuk antara muka pengguna akan diterangkan dengan teliti dalam bahagian ini. Secara umumnya, antara muka pengguna merupakan platform yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan sistem. Antara muka amat penting, kerana ia adalah tanggapan pertama kepada pengguna terhadap sistem yang dibina. Reka bentuk antara muka pengguna bertujuan untuk menyediakan antara muka yang mudah difahami dan mesra pengguna agar pengguna dapat menggunakan fungsi-fungsi pada sistem dengan baik.

Projek ini menggunakan perisian Visual Studio Code untuk menjalankan aktiviti pengaturcaraan dan pembangunan sistem pengurusan sekolah tafhib. Bahasa pengaturcaraan yang digunakan adalah PHP, CSS, HTML, MySQL dan JavaScript. Antara muka sistem dan fungsi utama sistem direka dan diimplementasikan melalui Visual Studio Code dan LARAGON.

Rajah 2 di bawah menunjukkan halaman log masuk pengguna yang dimana pengguna perlu memasukkan emel dan kata laluan yang berdaftar untuk melog masuk ke dalam sistem. Jika maklumat log masuk yang diisi adalah betul dan berdaftar, pengguna akan berjaya log masuk kedalam sistem dan halaman utama sistem akan dipaparkan.



Rajah 2 Halaman Log Masuk

Seterusnya adalah fungsi daftar akaun. Fungsian pendaftaran akaun ini hanya boleh digunakan oleh pentadbir. Bagi mendaftar akaun baru, pentadbir perlu mengisi kesemua maklumat yang dinyatakan dalam Rajah 3 dan seterusnya menekan butang daftar. Pentadbir boleh mendaftarkan akaun bagi pihak ibu bapa, guru dan juga pelajar.

Rajah 3 Halaman Daftar Akaun

Rajah 4 dan Rajah 5 menunjukkan halaman penilaian akademik dan halaman penilaian sahsiah yang boleh dilakukan oleh guru ke atas pelajar. Bagi melakukan penilaian terhadap pelajar, guru hendaklah memilih tab ‘academics’ dan memilih sub menu ‘Mark’. Guru hendaklah memilih tahun peperiksaan, tingkatan, kelas dan subjek mata pelajaran yang ingin dibuat

penilaian. Untuk membuat penilaian sahsiah, guru hendaklah memilih sub menu ‘result’ di menu academics, setelah menekan butang result, guru hendaklah memilih tingkatan dan kelas. Senarai pelajar bagi kelas yang dipilih akan muncul dan guru hendaklah memilih pelajar yang ingin dinilai, halaman keputusan penilaian akademik dan halaman untuk membuat penilaian sahsiah akan muncul. Penilaian akan berjaya direkodkan apabila guru mengisi semua maklumat pada borang penilaian dengan lengkap dan menekan butang ‘Simpan’.

S/N	Name	Admission Number	1ST CA (20)	2ND CA (20)	EXAM (60)
1	Melissa Ma Jia Lea	THFZ/F1/2019/35400	11	12	50
2	Nithya A/I Rattan Puthucheary	THFZ/F1/2020/43724	12	16	55
3	Rohan Balan	THFZ/F1/2021/44149	10	18	45
4	Shahmi Norhisam Bin Zahrul	THFZ/F1/2020/44126	15	10	50
5	Zahrul Binti Rohatul Shahiman	THFZ/F1/2021/25266	15	15	55

Rajah 4 Halaman Penilaian Akademik Pelajar

AFFECTIVE TRAITS		PSYCHOMOTOR SKILLS	
ALERTNESS	Select	CONSTRUCTION	Select
HONESTY	Select	DRAWING & ARTS	Select
NEATNESS	Select	FLEXIBILITY	Select
POLITENESS	Select	GAMES & SPORTS	Select
PUNCTUALITY	Select	HANDWRITING	Select
RELATIONSHIP WITH OTHERS	Select	MUSICAL SKILLS	Select
RELIABILITY	Select	PAINTING	Select

Rajah 5 Halaman Penilaian Sahsiah Pelajar

Seterusnya adalah halaman maklumat jadual waktu kelas. Maklumat ini boleh dikemaskini oleh pentadbir, guru dan ibu bapa boleh mendapatkan maklumat mengenai jadual waktu kelas yang terkini. Rajah 6 menunjukkan halaman halaman jadual waktu. Ibu bapa juga boleh menekan butang ‘Print Timetable’ untuk mencetak atau membuat file pdf bagi jadual waktu.

The screenshot shows a web-based school system interface for M-TAHFIZ SCHOOL SYSTEM. The main content area displays a class timetable for 'Name: 1 Rafflesia' belonging to 'Form: Form 1'. The timetable is for the 'Year: Class TimeTable (2022-2023)'. The schedule runs from 7:00 AM to 1:00 PM, with classes listed for Monday through Friday. The classes include English language, History, Malay language, Mathematics, Pendidikan Islam, Science, English language, History, English language, and Malay language. A red button at the bottom right of the timetable area is labeled 'Print Timetable'.

Rajah 6 Halaman Jadual Waktu Kelas

6 KESIMPULAN

Sistem yang telah dibangunkan dengan objektif membantu memudah proses pengurusan sekolah tahniz serta merapatkan jurang komunikasi antara ibu bapa dan pihak sekolah tahniz mengenai laporan penilaian akademik dan sahsiah, dan jadual waktu kelas. Sistem yang dibangunkan telah membantu ibu bapa untuk melihat laporan kemajuan akademik dan personaliti anak mereka di sekolah tahniz dari semasa ke semasa. Reka bentuk pangkalan data juga ditambah baik beberapa kali untuk mempertingkatkan kualiti sistem.

Kesimpulannya, objektif projek ini telah dicapai walaupun terdapat beberapa pembatasan pada sistem untuk mencapai kualiti yang dikehendaki. Penambahbaikan perlu dilakukan agar sistem ini menjadi lebih stabil dan pengguna menjadi lebih selesa dan yakin untuk menggunakan sistem ini secara lebih baik..

7 RUJUKAN

Ismail, M., Mohamad, S., Puji, T. I. Z. T., & Yusof, N. H. (2017). Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1), 55.

Mardhiah Yahaya et al. 2021. Perlaksanaan Kurikulum Tahfiz di MITS Selangor. *Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*, Malaysia.

Fowler, M., & Highsmith, J. (2001). The Agile Manifesto. *Software Development*, 9(8), 28-35.